

Bukti wujud semangat penyayang

28 JAN 1994

KUALA LUMPUR 27 Jan. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, tragedi kondominium runtuh di Hulu Klang, Disember lalu telah membuktikan kewujudan semangat penyayang dan prihatin dalam masyarakat negara ini.

Katanya, walaupun seluruh rakyat negara ini merasa sedih dengan peristiwa tersebut tetapi pada masa yang sama mereka membuktikan sikap penyayang dan prihatin.

"Rakyat negara ini mengikuti perkembangan tragedi ini setiap saat dan hari seolah-olah ia terjadi kepada diri mereka sendiri," katanya ketika berucap di Majlis Penghargaan dan Kenangan Tragedi Highland Towers Hulu Klang, di sini, malam ini.

Dr. Mahathir berkata, kerajaan sentiasa berusaha untuk mewujudkan masyarakat penyayang dan tragedi Highland Towers telah membuktikan hakikat itu.

"Kita telah melihat rakyat negara ini telah melakukan apa sahaja bagi membantu usaha mencari dan menyelamatkan mangsa-mangsa yang terperangkap," katanya.

Katanya, sesetengah pula yang tidak dapat membantu dalam gerakan mencari dan menyelamatkan secara langsung telah menyumbangkan makanan dan minuman.

"Manakala penduduk-penduduk yang tinggal berdekatan tempat kejadian telah sanggup menyerahkan rumah mereka untuk digunakan oleh pasukan penyelamat.

"Selain itu keluarga mereka yang terperangkap

juga memberi pertolongan walaupun dalam keadaan bimbang apa akan jadi pada anggota keluarga mereka, mereka amat sabar dan tidak menimbulkan masalah," katanya.

Dr. Mahathir seterusnya berkata, walaupun kerajaan tidak berharap tragedi seperti itu berulang lagi dan menjadi bahan 'ujikaji' untuk melihat sifat penyayang di kalangan masyarakat di negara ini namun beliau berharap sifat penyayang dan prihatin itu akan dikekalkan bagi mewujudkan negara yang stabil dan makmur.

Bagi pihak kerajaan, kata Perdana Menteri, kita telah mendapat pengajaran dan pihak kerajaan berasa bertanggungjawab tragedi ini serta telah mengambil langkah-langkah yang wajar supaya ia tidak berulang lagi.

"Kalau kadang-kadang ternampak kerajaan keterlaluan dalam menentukan bangunan-bangunan diperiksa dan disahkan sebagai mematuhi keperluan kejuruteraan ia hanya bertujuan untuk mengelakkan tragedi buruk berulang," katanya.

"Dalam tragedi ini tanpa perlu diminta kita menerima banyak tawaran untuk membantu dari banyak negara, mereka berada bersama-sama pasukan penyelamat dari negara ini siang dan malam," katanya.

Lebih 3,000 ahli pasukan mencari dan menyelamatkan daripada pelbagai agensi telah diraikan dalam majlis tersebut yang turut dihadiri oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.